

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis
DARIPADA : Dato' Haji Irmohizam bin Hj. Ibrahim
[Kuala Selangor]
SOALAN : Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim
minta **MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan
apakah perancangan dan strategi Kerajaan
untuk meningkatkan taraf sosio ekonomi
khususnya dari segi pendapatan isi rumah
nelayan yang memperoleh di bawah garis
kemiskinan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah memperuntukkan RM6 juta dari tahun 2011 sehingga tahun 2014 bagi Program *Touch Point* Basmi Kemiskinan di kalangan masyarakat nelayan. Selain itu, LKIM turut diperuntukkan RM24 juta di bawah Program AZAM Tani bermula tahun 2010 sehingga tahun 2014. Kedua-dua Program ini adalah khusus untuk golongan yang memperolehi pendapatan di bawah garis kemiskinan iaitu Miskin Tegar dan Miskin (**tersenarai dalam e-Kasih**). 3,000 orang nelayan miskin telah dibantu di bawah ke dua-dua program ini.